

31/05/2000

Keturunan Mahsuri mahu jadi warganegara

LANGKAWI, Selasa - Keturunan ketujuh Mahsuri, Aishah Nawawi, 14, berhasrat menjadi rakyat Malaysia dan menetap di tanah tumpah darah nenek moyangnya di sini.

Malah gadis manis yang sedang menuntut di sekolah menengah di Phuket, Thailand itu bercita-cita melanjutkan pelajaran di negara ini sekiranya keinginannya menetap di sini tidak kesampaian.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi kira-kira jam 4.45 petang tadi dengan diiringi tujuh ahli keluarga, termasuk datuknya, Wan Hashim Wan Hussain, 62; ibunya, Sumaini Yaji, 36, dan bapanya, Nawawi Wan Hashim, 36.

Aishah kelihatan riang sejurus tiba, malah tidak menyangka rombongannya disambut meriah. Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Hassan Bulat, merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Padang Mat Sirat.

"Saya suka tinggal Langkawi kerana ia tempat kelahiran nenek moyang saya, tapi cuma bimbang mengenai masa depan keluarga kerana tidak pasti apa mereka boleh kerjakan di sini," katanya kepada pemberita melalui penterjemah.

Aishah dan ahli keluarganya didatangkan khas dari penempatan mereka di Kampung Kemala, Phuket sempena Minggu Pengkisahan Mahsuri yang berlangsung esok.

Beliau dan ahli keluarganya akan dibawa melawat ke Kampung Buku dan makam Mahsuri sebelum ke Laman Padi untuk memeriahkan pementasan Pengkisahan Mahsuri serta pelancaran Tabung Pendidikan Aishah oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Pada sebelah malam, mereka akan menghadiri perasmian Fiesta Langkawi dan pelancaran buku Lagenda Langkawi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Aishah berkata, beliau gembira sekiranya kelahirannya menghapuskan sumpahan ke atas Langkawi oleh Mahsuri yang mati dibunuh akibat difitnah berkelakuan curang.

"Saya tahu mengenai lagenda Mahsuri apabila diceritakan oleh datuk dan lebih terharu kerana kelahiran saya dikatakan akan menghapuskan sumpahan terhadap Langkawi," katanya.

Kunjungannya kali ini adalah yang kedua ke Langkawi. Beliau pernah ke sini, termasuk melawat makam Mahsuri ketika berusia empat tahun.

Kedatangan Aishah amat besar maknanya, ia bukan sekadar memeriahkan Minggu Pengkisahan Mahsuri yang diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-10 Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) bermula esok hingga 6 Jun ini.

Lebih daripada itu, Aishah mempunyai signifikansi besar terhadap sejarah Langkawi yang diberi jolokan Pulau Lagenda Mahsuri. Ini kerana menurut lagenda, Langkawi yang disumpah menjadi padang jarak padang tekukur hanya berakhir dengan kelahiran generasi ketujuhnya.

Mungkin secara kebetulan kelahiran Aishah 14 tahun lalu turut memperlihatkan Langkawi semakin maju, terutama apabila diisytihar pulau bebas cukai pada 1987 tetapi yang lebih utama, ia mengesahkan Mahsuri benar-benar wujud dan mewarnai sejarah pulau ini.

(END)